

# → MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

→ **Profesor Datin Paduka  
Dr Aini Ideris**  
Naib Canselor, Universiti  
Putra Malaysia (UPM)



Universiti harus bersedia menghadapi cabaran kekangan kewangan dengan meningkatkan usaha mengurangkan kebergantungan dana kerajaan”

Perkongsian sumber dan kepakaran antara universiti sangat penting babitkan agenda nasional dan kepentingan awam”

Faktor keusahawanan, keserakanan dan kesukarelawanan sangat penting untuk universiti menangani cabaran dalaman”

## Atasi cabaran, tingkat daya saing universiti

Kita baru sahaja menyambut kedatangan tahun baharu 2017. Tahun 2016 yang ditinggalkan memberi banyak pengalaman dan pengajaran berguna kepada kita untuk terus cekal mendepani masa hadapan dengan lebih berkeyakinan. Sudah tentu, 2017 menawarkan lebih banyak kemungkinan dan tidak kurang cabaran baharu yang lebih getir.

Universiti sebagai pemacu kreativiti dan inovasi adalah entiti penting dalam melonjakkan Malaysia menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi.

Jadi, seiring dengan perkembangan dan perubahan semasa, sektor pendidikan tinggi negara khususnya dalam konteks universiti turut menerima impak yang tidak kurang hebatnya.

Tambahan pula dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, universiti tidak ada pilihan, selain lebih mandiri. Dalam kata lain, universiti perlu mempersiapkan dan memperaga institusinya agar terus bersedia dan berdaya saing. Jika tidak, universiti tidak menjadi kompetitif dan relevan.

Dalam mengupas cabaran universiti mendepani tahun baharu ini, saya melihat dalam tiga dimensi. Pertama, cabaran dalaman universiti, kedua, cabaran univer-

siti dengan universiti dan institusi penyelidikan, dan ketiga, cabaran universiti dengan dunia luar. Ketiga-tiga cabaran ini perlu diuruskan dengan bijak agar universiti terus dihormati, dirujuk dan relevan.

### Cabaran dalaman universiti

Pertama, cabaran dalaman universiti sekarang banyak tertumpu kepada soal kekangan kewangan dan penjana pendapatan. Universiti perlu menerima hakikat bahawa pembiayaan kerajaan untuk pengurusan dan operasi universiti semakin berkurangan.

Universiti harus bersedia menghadapi cabaran kekangan kewangan ini dengan meningkatkan usaha untuk mengurangkan kebergantungan mereka terhadap dana kerajaan secara strategik selain secara serius membuat perancangan menjana sendiri pendapatan untuk jangka masa pendek dan panjang.

Dalam membincangkan soal penjana pendapatan, faktor keusahawanan menjadi sangat penting. Jika selama ini keusahawanan lebih banyak diterapkan dalam konteks pembangunan pelajar, ia sewajarnya menjadi aspek penting kepada seluruh warga universiti khusus pemimpin tertinggi universiti.

Mereka yang mempunyai ciri usahawan atau berminda keusahawanan akan menjadi lebih

kreatif dan berani untuk meneroka idea baharu bagi merancang strategi dan model perniagaan yang dapat menjana pendapatan universiti yang lebih tinggi.

Bagaimanapun, dalam usaha rancang universiti menjana pendapatan, ia sama sekali tidak boleh berkompromi soal kualiti dan kecemerlangan institusinya. Peranan asas universiti membangunkan insan berpengetahuan tinggi dan meneroka ilmu baharu melalui usaha penyelidikan mesti terus digiat dan dilonjakkan.

Kedua, cabaran antara universiti merujuk kepada bagaimana sinergi dalam kalangan universiti-universiti tempatan dapat dibina dan diupayakan. Dalam hal ini, penulis suka untuk mengulangi pendekatan keserakanan dan kesepunyaan yang ditekankan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dalam Amanat Tahun Baharu 2016 lalu.

Meskipun persaingan antara universiti semakin melebar dengan sistem penarafan ranking dunia, kerjasama antara universiti berpaksikan pendekatan keserakanan dan kesepunyaan adalah kritikal dalam membina kecemerlangan secara bersama. Dalam hal ini, perkongsian sumber dan kepakaran antara universiti sangat penting khususnya membabitkan agenda nasional dan kepentingan awam.

### Pacu kecemerlangan bersama

Tahun lalu, misalnya, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengorak langkah bagi merangka usaha berteraskan keserakanan yang boleh dilakukan bagi memacu kecemerlangan bersama. Lebih-lebih lagi, kedudukan lokasi berdekatan memudahkan lagi inisiatif keserakanan UPM dan UKM, khususnya dalam konteks pembangunan komuniti Serdang dan Bangi. Selain itu, UPM turut menjalin kerjasama dengan institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melalui pengemblengan kepakaran bagi menangani cabaran kedaulatan makanan di negara.

Ketiga, cabaran universiti de-

ngan dunia luar mendesak universiti agar tidak boleh lagi bersifat menara gading yang eksklusif. Universiti mesti bersama-sama masyarakat luar menangani cabaran dan realiti kehidupan. Dalam hal ini, faktor kesukarelawanan sangat penting kerana ia adalah nilai dan pendorong utama yang dapat menggerakkan universiti melalui usaha pemindahan ilmu dan kepakaran.

Tahun lalu, sekumpulan penyelidik UPM berjaya menghasilkan sembilan produk teknologi padi yang mampu meningkatkan penghasilan hasil tanaman itu di kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA-Ketara) sehingga 10 tan sehektar setahun menjelang 2025. Bukan itu sahaja, UPM melalui Fakulti Reka-bentuk dan Seni Bina telah membantu pembinaan rumah Projek Teratak Semai untuk penduduk Orang Asli di Kampung Batu 16, Tapah, Perak. Projek ini berjaya dipilih sebagai penerima Anugerah Sukarelawan Malaysia (Anugerah Perdana Menteri) bagi kategori Inisiatif Kesukarelawanan Terbaik-Dre1M pada majlis Anugerah Sukarelawan Malaysia bagi 2016.

Tidak dinafikan, faktor keusahawanan, keserakanan dan kesukarelawanan sangat penting untuk universiti menangani cabaran dalaman, cabaran dengan universiti dan institusi penyelidikan, serta cabaran dengan dunia luar. Cabaran sektor pendidikan tinggi khususnya di universiti dijangka menjadi antara fokus utama dalam Amanat Tahun Baharu 2017 oleh Menteri Pendidikan Tinggi yang akan disampaikan hari ini. Sama-sama kita nantikan amanat itu yang pastinya menjadi azimat dan inspirasi kepada warga sektor pendidikan tinggi untuk terus maju dan cemerlang pada masa hadapan. Insya-Allah.

→ Umat Islam perlu bersatu untuk menembusi sempadan politik. Kita boleh berbalah tetapi dengan beradab dan berakhlak. Ikuti pandangan dan huraian Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdullah Muhammad Zin, mengenainya dalam konteks negara ini, esok.

### Sidang redaksi

Pengarang Urusan  
Kumpulan NSTP  
**Datuk Abdul Jalil Hamid**  
jalil@bh.com.my

Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Mahfar Ali**  
maha@bh.com.my

Timbalan Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Badrulhisham Othman**  
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Pengeluaran Percetakan & Digital  
**Rosli Safar**  
roslis@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Berita/Rencana/Digital  
**Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
madzaini@bh.com.my

Penulis Khas Kanan  
Ekonomi & Ehwat Semasa  
**Saidon Idris**  
saidon@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M)  
Bhd, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-226787 Faks: 03 20567081  
Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: bhrencana@bh.com.my